

PROGRAM DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (RECOGNITION PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING @RPEL)

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5554-program-diploma-kemahiran-malaysia-recognition-prior-experiential-learning-rpel

ALOR SETAR, 29 Okt 19 - Penilaian LPKT dan Amali bagi program Diploma Kemahiran Malaysia melalui kaedah Recognition Prior Experiential Learning (RPEL) telah dilaksanakan mulai 28 hingga 30 Okt 19. Program yang dianjurkan ini adalah satu inisiatif yang dilakukan hasil kerjasama antara pihak ATM, PERHEBAT dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ianya juga telah memberi peluang kepada anggota ATM yang masih berkhidmat dan veteran ATM bagi mendapatkan pengiktirafan didalam kepakaran dan kemahiran mereka sepanjang perkhidmatan di peringkat nasional.

Sesi penilaian pada kali ini melibatkan seramai 15 calon yang terdiri daripada 13 calon juruteknik TUDM dan seorang calon juruteknik PUTD dan calon veteran TUDM yang kini sedang berkerja di Syarikat penerbangan swasta dalam negara. Program pengiktirafan juruteknik pesawat yang dikendalikan oleh MTU-Kejuruteraan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada anggota ATM dan veteran ATM di mana ianya mampu meningkatkan kebolehpasaran para juruteknik yang dilahirkan oleh TUDM. Sesi Penilaian ini dikendalikan oleh 3 Pegawai Penilai JPK yang telah diiktiraf.

Dalam ucapan di majlis pembukaan penilaian ini, Ketua pegawai penilai Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) En

Mohd Erwan bin Abu Hanapiah

sering menekankan aspek faedah dan kelebihan yang bakal diterima oleh anggota sekiranya memberi komitmen terhadap proses peningkatan kendiri dengan kaedah-kaedah yang disediakan seperti RPEL ini. Beliau juga menasihatkan agar program ini dapat diteruskan oleh warga ATM dengan berbekalkan kelayakan kemahiran yang telah diiktiraf oleh Kerajaan.



